

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam lima tahun kebelakangan ini, jumlah pembayar cukai borang BE yang :

- (a)menuntut pelepasan bagi insurans pendidikan dan perubatan serta jumlah telah dituntut; dan
- (b)berpendapatan berkanun pengajian tahunan melebihi RM30 ribu tetapi tiada membuat bayaran awal PCB bulanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pembayar cukai Borang BE yang menuntut pelepasan insurans pendidikan dan perubatan sejak tahun taksiran 2015 sehingga 2019 adalah seramai 7.2 juta dengan jumlah tuntutan sebanyak RM16.09 bilion.

Jumlah pembayar cukai borang BE yang mempunyai berpendapatan berkanun penggajian tahunan melebihi RM30 ribu tetapi tidak membuat bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) sejak tahun taksiran 2015 sehingga 2019 adalah seramai 2.4 juta orang. Berkemungkinan pembayar cukai ini tidak membuat bayaran PCB disebabkan beberapa perkara seperti menuntut rebat cukai atau zakat ataupun majikan gagal membuat PCB daripada saraan bulanan semasa pekerja atau majikan gagal meremitkan PCB yang telah dipotong kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Sekian, terima kasih.